

redaksi

PENYANGKUT KUMPULAN BH  
**Datik Mahfar Ali**  
malqah@bh.com.my

TIMBALAN PENYANGKUT  
KUMPULAN BH  
**Datik Radzullizam Othman**  
dunias@bh.com.my

PENYANGKUT BERSEKUTU  
MENGJAWABH  
**Azhar Abu Samah**  
azhar@bh.com.my

PENYANGKUT WANITA  
**Jam'ah Saeki**  
jamah@bh.com.my

PENYANGKUT HEBERAN  
**Shamshul Kares Samshir**  
sazev@bh.com.my

PENYANGKUT BERITA  
**Zainuri Mahfar**  
zainuri@bh.com.my

REKA BENTUK  
**Unit Grafik BH**

PENCERLAPAN  
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN  
TEL: 1 300 22 6787  
FAX: 603 2956 7081

011-43434343.com.my atau  
khalid@bh.com.my  
31, Jalan Hong, 51000,  
Kuala Lumpur



Siti Zaharah  
melakukan  
aktiviti  
berkebun.

## Kursus vokasional remaja sindrom Down

PLAK  
bantu anak  
istimewa  
lakukan  
aktiviti  
tajamkan  
fikiran

Melihat gelagat remaja sindrom Down yang begitu asyik menyelesaikan tugas diberikan, timbul rasa kagum dengan keupayaan dan kesungguhan mereka. Mengetepikan segala kekurangan pada diri masing-masing, mereka membuktikan kemampuan berkebun, mengemas bilik, melukis, menjahit dan apa saja tugas yang diberikan guru pembimbing. Itu sebahagian modul pembelajaran vokasional berintegrasi kepada kanak-kanak sindrom Down yang memberi tumpuan kepada Program Latihan Asas Kerjaya (PLAK) dan bengkel terlindung dan kemudahan hidup sendiri.

Misalnya, Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM) di Taman U'Thant, Kuala Lumpur, sentiasa sibuk dengan aktiviti untuk remaja dan kanak-kanak sindrom Down yang dihantar mengikuti latihan vokasional di situ. Antara aktiviti mereka adalah memasak, membuat biskut iaitu kemahiran kuliner supaya mereka mampu melakukan aktiviti seperti remaja biasa, sekali gus menajamkan daya pembelajaran mereka. Mereka juga diajar menajamkan daya tumpuan dan melengkapkan tugas, teliti serta fokus supaya mampu berdiskusi, tidak lagi bergantung bantuan keluarga.

**Perkembangan positif**  
Remaja istimewa ini juga diterapkan kemahiran hospitaliti seperti mengemas bilik, menyusun atur perabot, membasuh, menjemur dan melipat pakaian yang merangkumi rutin biasa tugas di rumah. Mereka turut didedahkan kemahiran bercucuk tanam seperti menanam sayuran dan buah-buahan menerusi kerja tani menanam, mencangkul, menggemburkan dan membaja. Bagi ibu Siti Zaharah Ayob, 24, Siti Zauyah Abd Wahab, 60, berkata anak kedua daripada tiga beradik itu menunjukkan perkembangan positif dan semakin cekap belajar.

Lihat Ms. 3



Siti Zauyah  
bersama  
anaknyanya,  
Siti Zaharah.



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Datuk Seri Panglima Mohd Dun (kiri) beramah-mesra bersama kanak-kanak sindrom Down ketika lawatan kerja ke Persatuan Sindrom Down Malaysia di Kuala Lumpur.



## Perlu kesabaran

Dari Ms. 2

"Di sudut sanubari, saya bersyukur kerana anak saya semakin boleh berdikari, sekurang-kurangnya dia boleh menguruskan diri tanpa perlu mengharap bantuan orang lain.

"Cabarannya ialah dia berdepan masalah pendengaran, tetapi kami sekeluarga tidak menyalahkan dirinya lantaran dia insan istimewa sindrom Down," katanya.

Mereka yang tinggal di Taman AU12 Kerasat, Kuala Lumpur ini berkata, anaknya itu akan dihantar ke pusat aktiviti persatuan itu oleh menantu atau anaknya sebelum mereka ke pejabat.

"Dari masa ke masa, dia semakin cekap melakukan kerja rumah yang biasa, mendengar arahan dan boleh diharap menjaga anak saudaranya di rumah.

"Menjaga anak istimewa ini memerlukan kesabaran kerana jiwa mereka sensitif, mendambakan perhatian, manja dan sentiasa mengharapkan apa saja keinginannya dipenuhi," katanya sambil berkongsi anaknya menggemari ayam goreng.

Kata Siti Zunyah, pembelajaran anaknya seperti kanak-kanak lain meskipun umurnya sudah lebih 20 tahun dan ia bermula jam 9 pagi hingga 4.30 petang.

"Di sini, mereka diajar menimba pengalaman dan kemahiran, berinteraksi dengan remaja lain dan paling penting mereka belajar menyesuaikan diri, berdikari dan tidak kekok belajar," katanya.

**Pandai buat kerja rumah**  
Rakan karib Siti Zaharah, Amir Aziz, 23, dari Taman Kolan Air, berkata dia seronok mempelajari banyak perkara dan

diberikan kepercayaan untuk melakukannya.

Dia yang sukar bertutur dan sebutan jelas, dibantu guru yang menjadi penterjemah bahasa, dilihat menonjolkan karakter pendiam dan hanya membalas pertanyaan selepas diajukan beberapa kali soalan sama.

**Tanam pokok, sapu sampah**

"Saya suka tanam pokok, siram dan menggemburkan tanah kerana saya suka tengok tumbuhan berbuah, nanti boleh makan sama-sama.

"Sekarang saya pandai sapu sampah, siram pokok dan kawan banyak bantu antara satu sama lain," katanya yang turut didedahkan dengan aktiviti dobi, menjahit, mengemas dan membersihkan rumah. Bagi suri rumah, Ramlah Ramli, 50, beliau tidak

keberatan berjalan kaki dari projek perumahan rakyat terdekat untuk ke pusat latihan itu semata-mata mahu anak gadisnya Soffia Zamil, 15 mengikuti latihan vokasional di situ.

"Setiap kali selepas Soffia habis pembelajaran sekolah harian di Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang, dia akan ke situ belajar seperti yang dijadualkan.

"Bagi saya, aktiviti selepas kelas sangat diperlukan kerana anak istimewa itu memperoleh kemahiran supaya potensi mereka dapat digilap, boleh berdikari dan tahu membuat kerja rumah. "Jadi masa terluang terisi dengan aktiviti berfaedah seperti kemahiran memasak, mengemas rumah, membasuh pakaian dan banyak lagi yang pada mulanya kita tidak jangka mereka boleh lakukan," katanya.

info

### Matlamat program Kelas Latihan Vokasional

Memberikan khidmat bimbingan dan latihan untuk remaja sindrom Down berdikari.

Di samping itu remaja dan kanak-kanak istimewa ini mendapat tempat dan sokongan daripada keluarga dan masyarakat.

Membantu mengenal pasti kemahiran dan potensi diri supaya pelatih dapat memanfaatkan kemahiran sekali gus menjana pendapatan sendiri.

### Ciri khas

Remaja yang dikategorikan sindrom Down dinilai mengikut tahap kemampuan, kesesuaian sebelum diterima belajar.

Berusia 18 tahun dan ke atas.

Turut menerima remaja istimewa lain seperti lemah pembelajaran, lembam.

Rancangan penubuhan Kelas Latihan Vokasional dibuat pada 2009 oleh jawatankuasa PDSM.

## Kendalikan anak istimewa

**Setiausaha** Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM), Hanizan Hussin, 45, kebiasaan tempoh tiga bulan adalah masa ideal untuk remaja istimewa ini mendalami kemahiran yang diajarkan kepada mereka.

Mereka di sini dibantu enam juruterapi termasuk tiga guru diajarkan kemahiran seperti pemuliharaan cara kerja, pertuturan, latihan tandas, fisioterapi, kemudahan perubatan dan sebagainya.

**Yuran berpatutan**

"Pusat latihan ini juga menjadi pusat penjagaan ibu bapa untuk menghantar anak dengan yuran berpatutan, didedahkan dengan teknik penjagaan supaya mereka mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan anak istimewa mereka," katanya.

Mengikut rekod pada 2014 seramai lima pelatih da kini terdapat kira-kira 15 orang pelatih.

